

PENGAJIAN PRINSIP PELANGGARAN TEORI TEKSDEALISME DALAM TEKS DRAMA RENJONG

*A Study of the Conflict Principle of the Theory of Text Dealism in The
Text of Drama Renjong*

Mohd Fazil bin Musa

Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
ipgm-1233@moe-dl.edu.my

Published: 31 December 2023

To cite this article (APA): Musa, M. F. (2023). Pengkajian Prinsip Pelanggaran Teori Teksdealisme dalam Teks Drama Renjong. *Jurnal Peradaban Melayu*, 18(2), 27–39. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol18.2.3.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol18.2.3.2023>

ABSTRAK

Kajian yang diperbincangkan kali ini telah memilih teks *Kumpulan Drama Renjong* yang akan dirungkaikan tentang prinsip pelanggaran Teori Teksdealisme yang berlaku terhadap unsur patriotisme. Sejak kebelakangan ini penghasilan teks berunsur patriotisme oleh beberapa pengkarya terkenal agak dingin dalam kalangan generasi baharu dan ini telah menarik minat pengkaji untuk melakukan kajian ke atas nilai patriotisme. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti bagaimana pelanggaran unsur patriotisme yang diterapkan dalam teks yang kemudiannya menghuraikan unsur patriotisme dalam teks sastera yang dipilih di samping menganalisis data dan seterusnya membuat rumusan seperti yang disasarkan. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif berlandaskan prinsip pelanggaran dalam Teori Teksdealisme. Oleh yang demikian, secara tidak langsung teori Teksdealisme dapat menyerlahkan kepengarangan penulis dan penulisan karya sesuatu teks sastera. Dapatan kajian ini menunjukkan unsur patriotisme berjaya dijelmakan dengan baiknya berdasarkan prinsip pelanggaran dalam karya-karya yang dihasilkan dalam *Kumpulan Drama Renjong* di samping pencetusan idea yang berani dan tulus serta mempunyai kelainan bagi menghasilkan karya-karya yang bermutu dan diterima khalayak. Kesimpulannya, segala susun atur kajian yang dilakukan dapat menepati tujuan kajian serta kehendak objektif kajian teks *Kumpulan Drama Renjong*. Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi garis panduan bagi menilai teks sastera kepada penulis sastera agar dapat menghasilkan karya berunsur patriotisme yang lebih baik dan bermutu tinggi pada masa akan datang. Pendedahan asas ini penting dalam memberi satu implikasi yang baik kepada generasi baharu membuat kajian berkaitan dengan teks sastera.

Kata kunci: eksperimentasi, keboleherjaan, aplikasi, teknik, alternatif

ABSTRACT

The study discussed this time has selected the text Kumpulan Drama Renjong which will elaborate on the conflicting principle of Textdealism Theory that applies to elements of patriotism. In recent times, the production of patriotic texts by some well-known writers has been rather cold among the new generation and this has attracted the interest of researchers to conduct research on the value of patriotism. The objective of this study is to examine how the clash of elements of patriotism is applied in the text which then elaborates the elements of patriotism in the selected literary text in addition to analyzing the data and then making a conclusion as targeted. This study has used a qualitative method based on the principle of collision in Textdealism Theory. Therefore, indirectly the theory of Textdealism can highlight the authorship of the writer and the writing of a literary text. The findings of this study show that the elements of patriotism were successfully implemented based on the principle of collision in the works produced in Kumpulan Renjong Drama in addition to creating ideas that are brave and sincere and have a difference to produce quality works that are accepted by the audience. In conclusion, all research layouts that are carried out can meet the

purpose of the study as well as the objective requirements of the text study Kumpulan Drama Renjong. This study is also expected to be a guideline for evaluating literary texts for literary writers in order to produce better and high-quality patriotic works in the future. This basic exposure is important in giving a good implication to the new generation doing research related to literary texts.

Keywords: *experimentation, workability, application, technique, alternative*

PENGENALAN

Tanah merupakan komponen utama dalam penghasilan seramik. Kegunaan seramik telah sebat Teksdealisme ialah gabungan dua perkataan iaitu “teks” dan “idealisme” yang bermaksud teks atau karya yang ideal atau unggul. Teori Teksdealisme berasaskan idea bahawa setiap pengarang mempunyai keinginan untuk mencapai tahap kecemerlangan dalam penciptaan karyanya. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, penulis mestilah mempunyai prinsip tersendiri dalam menghasilkan setiap karya. Oleh itu, seseorang penulis akan mencuba dengan bakat, kebolehan, daya intelek dan kemahirannya untuk menghasilkan karya yang lebih berkualiti. Penulis juga dituntut mempunyai keberanian dan kebijaksanaan dalam menghasilkan teks yang unggul. Apabila karyanya diiktiraf unggul, pengarang juga mencapai tahap unggul. Mana Sikana (2006: 27), menyatakan “... untuk mencapai teks yang unggul, pengarang dituntut mempunyai keberanian dan kebijaksanaan”. Inilah yang dikatakan prinsip pengarang dalam meluahkan idea dan buah fikiran serta bersedia untuk berinovasi dan melakukan perubahan.

Dalam artikel ini, pengkaji akan menjadikan aplikasi teori sebagai fokus kajian. Oleh itu, perbincangan dalam bab ini akan mengemukakan huraian tentang teori tekstualisme. Penerangan tentang teori ini yang merangkumi aspek seperti asal usul teori tersebut. Teori tekstualisme ialah teori sastera yang dicetuskan oleh Mana Sikana pada tahun 1993. Perkataan “teks” dan “ideal” ini menjadikan teori tersebut lebih bermakna yang berfungsi untuk mencari keunggulan dalam karya sastera seseorang pengarang. Pengaplikasian teori yang dipilih pengkaji, untuk menilai teks yang ideal, kukuh dan mempunyai keaslian serta mempunyai keunggulan yang tinggi terhadap pengarang.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan oleh sebab ketiadaan satu prosedur khusus dalam pengaplikasian penggunaan tanah liat di kawasan yang tiada pengusahaan seramik di seluruh Malaysia. Penggunaan dan kepakaran dalam penghasilan produk seramik terhad. Tiada formula dan rujukan khusus yang boleh digunapakai untuk menghasilkan tanah liat alternatif berasaskan sumber tanah kitar semula. Jadi dalam kajian ini, pengaplikasian penggunaan tanah liat alternatif di sekitar kawasan peserta sebagai satu kajian eksperimentasi terhadap tanah kitar semula. Kajian ini berpandukan kepada model praktis studio seramik. Selain itu ianya dilakukan dalam tempoh masa selama 5 minggu sahaja yang meliputi proses mengenal pasti lokasi tanah liat alternatif dan penghasilan karya seramik. Penghasilan ini akan diawasi dan dibimbing oleh penyelidik didalam alam maya dengan menggunakan aplikasi *google meets* dan *whatsapp* sebagai alat bantu hubung yang berkesan. Tujuan seterusnya adalah untuk menguji kadar keboleherjaan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) atas talian. Mengambil kira factor geografi, penempatan, bentuk muka bumi dan kemudahan sedia ada baik dalam dan luar bandar sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP).

Individu yang memperjuang dan mempertahankan kebebasan atau tanahair atau pembela negara dalam konsep ini digelar sebagai patriot. Patriotik pula menjadi tindakan atau perlakuan patriotisme yang diperjuangkan oleh patriot. Seseorang patriot mempunyai rasa kasih dan sayang yang istimewa terhadap negaranya, prihatin terhadap kemajuan negara dan sanggup berkorban demi kebaikan negara (Nathanson, 1993). Patriotisme dalam konteks masa kini, merupakan sebagai satu sikap, semangat dan tindak tanduk yang membawa kepada satu gagasan serta usaha dalam menjaga kepentingan, maruah juga kedaulatan bangsa dan negara. Ia juga dikatakan merangkumi pelbagai bidang kehidupan seperti agama, kedaulatan,

politik, undang-undang, keselamatan, sosial, hubungan antarabangsa, ekonomi, kebudayaan, dan sebagainya.

Sejak kebelakangan ini, pengkaji mendapati nilai-nilai patriotisme kurang mendapat perhatian dalam kalangan generasi muda pada alaf baru ini. Masyarakat muda lebih terdedah kepada media massa, melayari internet dan santapan hiburan semasa. Maizatul Akma Aziz dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (hlm. 77, 2019) mendapati dalam menempuh era yang begitu mencabar serta ledakan globalisasi, elemen patriotisme wajar disemai dan diterapkan ke dalam minda serta jiwa generasi muda. Semangat patriotisme akan terus dapat dipertingkatkan jika rakyat menghayati sepenuhnya konsep patriotik itu sendiri. Patriotisme adalah pengorbanan individu terhadap negara. Walaupun sesebuah negara itu sudah lama mencapai kemerdekaan, jika semangat patriotisme ini semakin pupus dan tidak dihayati sepenuhnya oleh rakyat, maka tidak mustahil sesebuah negara itu akan kembali runtuh dan dijajah semula. Namun, ramai generasi muda kurang mempunyai semangat patriotisme dalam diri mereka. Perkara ini merupakan lumrah bagi generasi muda yang lahir selepas kemerdekaan kerana mereka tidak perlu bersusah payah untuk membebaskan negara dari cengkaman penjajah seperti yang dibuat oleh Tok Janggut, Datuk Bahaman, Tok Gajah dan lain-lain. Mereka dilahirkan dengan kesenangan hidup dan kemewahan hidup sehingga menyebabkan semangat patriotisme dalam diri generasi muda terutama pelajar-pelajar semakin terhakis. Memandangkan semangat patriotisme merupakan agenda penting dalam menjaga keamanan negara, justeru usaha kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia adalah sangat penting untuk menyuburkan semula semangat patriotisme dalam diri pelajar.

Selain itu, terdapat beberapa pandangan penulis berkaitan dengan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda kini terutamanya mengenai laungan keramat kemerdekaan. Laungan keramat itu kini semakin jauh terhakis dari dalam diri golongan generasi muda apabila mereka dilihat tidak lagi menunjukkan semangat patriotik sempena Bulan Kebangsaan pada setiap 31 Ogos. Kibaran Jalur Gemilang pada motosikal mahupun kenderaan yang dinaiki juga jarang-jarang sekali atau sudah tidak lagi kelihatan di atas jalan raya. Jika ada pun, situasi atau keadaan itu hanya boleh dikira dengan jari. Oleh yang demikian, siapa yang harus dipersalahkan jika diri sendiri tidak menjiwai semangat patriotisme dan menjengah kepayahan serta pengorbanan pejuang-pejuang kemerdekaan terdahulu?. Malahan, ketika ini anak-anak muda dilihat lebih mengutamakan kerjaya, wang sebagai pelengkap dan sumber saraan hidup berbanding memikirkan pengertian kemerdekaan (Noor Hasliza Nusi, 2022). Salah satunya adalah penghayatan tentang kemerdekaan yang semakin berkurangan. Setiap kali negara menyambut kemerdekaan pada 31 Ogos, barulah semua pihak termasuk agensi-agensi terlibat berpusing-pusing mencari solusi dan berfikir tentang cara sambutan tersebut. Tiada satu pun elemen yang ditanam setiap masa, konsisten dan dikekalkan mengenai kepentingan sejarah serta kemerdekaan negara. Jika diamati, remaja hari ini jarang sekali dan sudah tidak berminat dengan bahan pembacaan buku teks. Mereka lebih tertumpu kepada perkara lain dalam media sosial.

Jelasnya di sini bahawa pihak berwajib seharusnya memainkan peranan yang penting dalam usaha mengembalikan semangat kemerdekaan dalam kalangan anak muda sekali gus mencari jalan untuk menaikkan semangat hari bersejarah. Kita sepatutnya mencari mereka dan bukannya mereka yang mencari kita. Selain itu, keadaan semasa juga menjadi antara punca utama kurangnya penghayatan tentang kemerdekaan. Antaranya, tentang isu politik semasa, isu kenaikan harga barang, peningkatan kos sara hidup dan isu ekonomi yang semakin meruncing. Keadaan ini membuatkan orang muda kini tidak boleh berfikir di luar konteks berbanding tumpuan memandangkan mereka lebih mengutamakan kelangsungan hidup.

Kita sedia maklum bahawa semangat patriotisme perlu dipamerkan dalam diri setiap diri warganegara Malaysia tanpa mengira agama bangsa dan kaum terutamanya dalam kalangan generasi muda. Menurut Faridah Taib dan Nuraidah Ali (1995) (dikutip dalam Jumali Selamat, 2012), “kelompok ini akan meneruskan kesinambungan agenda pembangunan negara dengan mengambil alih kepemimpinan masa akan datang dan menjadi tenaga penggerak dalam pelbagai aktiviti seiring dengan arus pembangunan perdana” (ms.1). Oleh sebab itu, patriotisme peribadi sangat penting ditanamkan ke dalam jiwa remaja. Remaja yang lahir pada zaman globalisasi perlu mempunyai semangat patriotisme yang kuat dalam mempertahankan dan membangunkan negara selaras dengan perkembangan dunia tanpa memperjudikan

kedaulatan negara. Hal ini bertujuan untuk menjamin kesejahteraan dalam kehidupan bagi negara yang merdeka.

Hasil tinjauan pengkaji mendapati terdapat sarjana-sarjana barat terdahulu telah menjalankan penyelidikan sastera rakyat di negara kita semasa mereka menjajah negara ini suatu ketika dahulu, antaranya, R.O. Winstedt, W.G. Shellabear dan Wilkinson. Namun, sejak beberapa waktu ini terdapat usaha-usaha penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik tempatan tetapi penyelidikan ini dianggap untuk memenuhi satu tujuan yang bersifat sementara dan bukan untuk tujuan pendokumentasian. Lazimnya, hasil-hasil penyelidikan itu dalam apa jua bentuk sekali pun perlu didokumentasikan.

METODOLOGI

Teori Kajian

Pengkaji dalam kajian ini akan menggunakan satu teori sahaja, iaitu Teori Teksdealisme yang mengandungi empat prinsip asas, iaitu prinsip kehadiran, prinsip perlanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individual. Penggunaan prinsip perlanggaran dalam teori ini diharap dapat mengupas pemikiran penulis teks kumpulan drama pilihan beserta unsur patriotisme yang terdapat dalam karya yang dihasilkan.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian teks yang bersandarkan kajian kualitatif. Berdasarkan kajian teks tersebut, pengkaji menggunakan Teori Teksdealisme sebagai landasan untuk menganalisis unsur-unsur patriotisme yang dihadirkan dalam *Kumpulan Drama Renjong* yang menjadi pilihan, iaitu *Catatan Tun Sri Lanang*, *Dari Lumpur*, *Merdeka*, *Jejak Pahlawan* dan *Renjong* karya Mana Sikana berdasarkan objektif kajian dan seterusnya menjawab persoalan-persoalan yang telah diajukan. Berlandaskan teori yang dipilih, pengkaji akan menggunakan prinsip-prinsip teori yang telah diutarakan oleh pengasas teori berkenaan.

Oleh yang demikian, pengkaji menganggap reka bentuk kajian yang terhasil adalah berdasarkan pengumpulan maklumat yang akan diperolehi melalui pembacaan teks drama. Secara mendalam, maksud tersirat dan tersurat difahami secara mendalam dengan meliputi segala aspek seperti tema, plot, gaya bahasa dan sebagainya. Di samping itu, pengkaji juga membuat rujukan perpustakaan, berbincang dengan penyelia serta mengadakan diskusi sama ada secara langsung atau tidak langsung sekerap mungkin.


Prosedur Pengumpulan Data

Kajian ini merupakan satu kajian teks yang menggunakan reka bentuk kajian kualitatif, iaitu kajian berdasarkan teks dengan penggunaan kaedah penyelidikan kepustakaan dan analisis kandungan teks. Kajian kualitatif adalah suatu pendekatan penyelidikan yang membentangkan dan menganalisis fenomena, peristiwa, aktiviti sosial, atau persepsi. Manakala, pengumpulan data berbentuk perkataan, ayat, skrip, temubual, atau pemerhatian, serta penggunaan kaedah induktif untuk menjana teori. Ia juga adalah suatu kajian yang membentangkan dan menganalisis fenomena, peristiwa, aktiviti sosial, persepsi, pemikiran seseorang mahupun kelompok yang menekankan proses dan kandungan tidak diuji atau diukur dari segi kuantiti ataupun bilangan kali. Tafsiran terhadap kes yang dikaji bergantung kepada pengkaji itu sendiri dan masing-masing mempunyai tafsiran yang berbeza dan bersifat induktif. Ini bermakna pengkaji memulakan suatu permasalahan dan permasalahan akan muncul secara am dan terbuka terlebih dahulu untuk interpretasi data dan kemudian menjurus kepada hal yang spesifik.

Bhasah Abu Bakar (2007) melalui prosedur menganalisis data menjelaskannya sebagai satu kaedah untuk mengawal dan mempersembahkan data. Analisis data ini dibuat dengan bertujuan untuk menjawab semua persoalan kajian yang telah ditetapkan. Sepanjang proses penyelidikan, pengkaji secara berterusan

menggunakan penyelidikan kualitatif dalam penganalisan data. Secara keseluruhannya, kajian analisis kandungan teks dilakukan dengan memilih keratan teks yang bersesuaian melalui proses pembacaan, saringan dan seterusnya pemilihan dilakukan oleh pengkaji. Pada akhirnya, proses transkripsi dibuat oleh pengkaji secara teliti.

Dalam menjalankan gerak kerja penganalisan, aktiviti membaca, memilih, mengasingkan dan menyusun data dalam bentuk jadual dilakukan untuk menjadikan data lebih berfokus bagi membantu proses membuat keputusan. Proses penyaringan data dilakukan secara berterusan sepanjang proses pelaksanaan penyelidikan, iaitu sebelum, semasa dan selepas proses mengumpul data. Tujuan pengekodan dilakukan adalah bertujuan untuk memudahkan proses mengenal pasti bahan yang dianalisis. Proses penganalisan data kajian ini meliputi proses yang berikut:



Rajah 1. Proses Menganalisis Data Kajian

Berdasarkan rajah proses penganalisan data kajian menjelaskan penelitian analisis memberi fokus utama terhadap komponen teks, iaitu watak, prolog, latar, situasi dan dialog yang diteliti dan diperincikan mengikut tindakan yang terkandung dalam keratan teks kajian yang mengandungi unsur patriotisme. Bagi menjamin kesahan, kesimpulan yang terkandung dalam setiap jadual dan rajah yang dibina turut disokong dengan bukti-bukti keratan teks daripada data transkrip di samping mempertimbangkan perspektif alternatif, iaitu pemahaman yang diperolehi daripada dapatan kajian pengkaji di samping membuat semakan silang dengan dapatan kajian dari penyelidik terdahulu.

Kaedah Kajian

Pemilihan kaedah kajian merupakan aspek penting dalam mendapatkan maklumat bagi pengumpulan dapatan kajian yang hendak dilakukan. Oleh itu, pengkaji telah memilih kaedah kualitatif kajian teks dalam mencapai objektif yang disasarkan bersesuaian dengan bahan yang dikaji, iaitu teks sastra yang perlu dilihat dari aspek penghasilannya yang difikirkan selari dengan keperluan kajian. Bagi melancarkan kelangsungan kajian ini, kaedah Kajian Kepustakaan digunakan bagi pengumpulan maklumat dan analisis

kandungan teks untuk membuat huraian dan hujahan dapatan dalam menjawab soalan kajian serta dapat mencapai objektif kajian yang disasarkan di samping menyerlahkan lagi kepentingan kajian yang telah diutarakan. Pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan teks adalah bertujuan untuk menyusun maklumat berkenaan hujahan dan huraian yang bersifat deskriptif. Secara keseluruhannya, semua isi karya dan teks turut dianalisis dan dibincangkan secara deskriptif.

Kaedah Kepustakaan

Pengkaji akan menggunakan kaedah kajian kepustakaan dalam usaha mencari dan mengumpulkan dapatan. Konsep kaedah kajian kepustakaan ini menjadi satu aktiviti mencari dapatan dengan membuat rujukan, pembacaan dan pengumpulan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Antara bahan-bahan yang menjadi sasaran pengkaji adalah penulisan kajian-kajian terdahulu. Bahan-bahan ini akan dikumpulkan dan seterusnya diolah dan diperbahaskan dalam penulisan bagi menjawab setiap persoalan kajian. Pengkaji mengumpulkan sebegitu banyak bahan-bahan ilmiah yang terdapat dalam bentuk penulisan seperti buku, majalah, jurnal, akhbar, kertas-kertas kerja seminar dan latihan ilmiah, disertasi dan tesis. Bahkan, pengkaji juga banyak memperoleh bahan-bahan berbentuk maya yang menepati dan berkaitan dengan tajuk kajian. Penggunaan buku-buku ilmiah sama ada dari barat atau tempatan turut dirujuk lebih-lebih lagi yang membicarakan tentang perkembangan sastera, perkembangan novel-novel Melayu, teori-teori dan kritikan sastera Melayu, teori-teori kajian teks serta perkembangan nilai-nilai dan semangat patriotik.

Kaedah Analisis Kandungan Teks

Kajian teks dijelaskan sebagai satu kajian berdasarkan sesuatu teks atau karya penulisan yang telah dihasilkan. Sesuatu teks atau karya yang telah menjadi pilihan seharusnya disemak dan dinilai terlebih dahulu. Aktiviti menyemak dan menilai ini dikenali sebagai analisis. Penggunaan kaedah analisis kandungan teks ini menjadi pilihan pengkaji dan akan dilakukan secara deskriptif ketika membuat analisis isi kandungan karya ke atas setiap penulisan drama pilihan yang dikaji. Selain itu, kajian secara eksplisit juga akan dilakukan atas kesedaran bahawa elemen-elemen yang membentuk sesebuah karya itu diolah sedemikian rupa bagi melahirkan sesuatu drama. Selain kumpulan drama kajian, kumpulan drama yang lain juga akan menjadi bahan sumber rujukan, panduan dan perbandingan semasa melakukan proses pengkajian ini.

Kaedah analisis kandungan teks dilakukan dengan memilih dan menentukan kumpulan teks drama bersesuaian. Proses pembacaan setiap teks dilakukan dengan teliti bagi mengenal pasti struktur yang relevan bersesuaian dengan unsur-unsur di bawah konsep patriotisme. Penelitian analisis memberi fokus utama terhadap struktur dalam kandungan teks, iaitu melalui komponen watak, prolog, latar, situasi dan dialog serta masalah pencetus dan pemikiran. Kesemua elemen ini diteliti dari aspek patriotisme yang terkandung dalam kelima-lima teks drama yang disajikan dalam *Kumpulan Drama Renjong* yang menjadi pilihan pengkaji.

Proses pengumpulan dan penyaringan keratan teks setiap teks drama dilakukan bertujuan untuk mencari teks yang bertepatan dengan objektif dan persoalan kajian selepas proses pembacaan teks yang teliti dilakukan. Penelitian teks ini memberi fokus terhadap komponen kandungan teks dan prinsip kehadiran, pelanggaran dan individual yang menjadi pencetus kepada penonjolan unsur patriotisme yang diteliti, iaitu dari segi sumber kehadirannya, penghasilan idea perlanggarannya dan peranan prinsip individual dalam penceritaan karya berdasarkan setiap lima teks drama yang ada.

Berpandukan kepada dapatan kajian yang telah dipaparkan oleh pengkaji terdahulu terhadap bahan sastera tradisional, pengkaji mengetengahkan penerapan unsur patriotisme sebagai bahan kajian. Pemilihan ini dilakukan berikutan kesesuaian permasalahan kajian dan isu yang dibentangkan dengan perkembangan semasa yang selari dengan peredaran zaman yang mengikut arus perkembangan global. Pembacaan teks drama ulangan amat penting dalam mengklasifikasikan setiap dapatan supaya dapatan dapat dianalisa dan dirumus mengikut unsur fokus yang telah ditentukan oleh pengkaji. Hal ini bersesuaian dengan setiap lima teks drama pilihan yang memaparkan unsur patriotisme dengan teknik yang berbeza antara satu sama lain.

Seterusnya, rumusan kajian terdahulu mendapati bahawa analisis karya tradisional ini membuktikan bahawa aspek pemikiran kepemimpinan Melayu tradisi yang menjadi kekuatan dalam kajian dipamerkan melalui semangat patriotisme yang tinggi. Secara tidak langsung, berpegang kepada rumusan awal oleh pengkaji terdahulu, pengkaji mengetengahkan pula bahan kajian teks sastera yang lebih bersesuaian dengan peredaran zaman serta dekat dengan generasi masa kini. Bahan kajian ini didapati dapat mempengaruhi dan menguasai intelek serta tindakan khalayak pembaca tanpa sedar. Hal seumpama ini dapat dilihat dalam konsep tradisi lisan yang berjaya membawa transformasi keintelektualan dan anjakan paradigma dalam alam Melayu. Pengkaji turut mendapati perkembangan teknologi media masa kini tidak dapat menghalang perubahan dunia arus perdana dalam menempuh zaman pemodenan yang tidak lagi berkisar tentang cerita-cerita dongeng yang penuh dengan pengembaraan.

Pengkajian Prinsip Perlanggaran Teori Teksdealisme

Latar Belakang Teori Teksdealisme

Teksdealisme terangkum dalamnya dua kosa kata, iaitu ‘teks’ dan ‘idealisme’ yang membawa maksud teks atau karya yang ideal atau unggul. Teori Teksdealisme bertitik tolak daripada premis bahawa setiap pengarang mempunyai hasrat untuk mencapai suatu tahap originaliti individualisme dalam penciptaan karya-karyanya. Seperti mana yang telah dinyatakan sebelum ini, pengarang semestinya mempunyai prinsip-prinsipnya yang tersendiri dalam menghasilkan karya. Oleh itu, seseorang pengarang akan berusaha dengan bakat, kebolehan, daya intelektual dan keterampilannya bagi menghasilkan karya yang bermutu, lebih baik dan memaparkan originaliti pengarang mereka.

Pengarang juga dituntut mempunyai sifat-sifat keberanian dan kebijaksanaan melalui konsep perlanggaran idea dalam menghasilkan teks yang bermutu. Hal ini turut dinyatakan oleh penghasil teori iaitu sendiri, iaitu Mana Sikana (2006), menyatakan bahawa “...untuk sampai ke sebuah teks yang unggul, pengarang dituntut mempunyai sifat keberanian dan kebijaksanaan” (ms. 27). Inilah yang dikatakan sebagai satu prinsip pengarang dalam mengemukakan sesuatu idea dan pemikiran serta bersedia untuk melakukan perlanggaran berkarya bagi penghasilan inovasi dan pembaharuan. Hal ini akan menyerlahkan lagi semangat yang ingin ditampilkan, digarap dan dirasai oleh khalayak pembaca.

Prinsip-Prinsip Teori Teksdealisme


Teori Teksdealisme adalah teori sastera yang mengandungi empat prinsip utama yang berfungsi sebagai kayu ukur bagi menilai kualiti kepengarangan seorang pengarang. Terdapat empat prinsip yang mengiringi teori Teksdealisme, iaitu kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individual (keperibadian atau jati diri). Prinsip ini memainkan peranan pentingnya yang tersendiri dalam usaha membentuk keunggulan sesebuah karya sastera. Sekiranya pengarang melanggar struktur karya, ia tergolong dalam prinsip perlanggaran. Proses kreativiti itu akan disepadukan melalui isi dan teknik bagi menunjukkan pengarang itu hadir dalam dunia kesusasteraan.

Prinsip Perlanggaran

Pengarang menggunakan prinsip perlanggaran untuk menemukan sesuatu yang baru. Misalnya, pengarang akan menggunakan satu aspek utama yang membezakannya dengan karya-karya terdahulu. Perlanggaran boleh berlaku dalam tiga keadaan, iaitu melanggar kovensi terhadap teks itu sendiri, melanggar kovensi beberapa aspek dalam struktur penulisan teks dan melanggar kovensi teks pengarang lain. Dalam proses perlanggaran ini seseorang pengarang akan menggunakan beberapa cara bagi menjadikan karyanya lebih baik dan unggul.

Antaranya, menambah unsur-unsur baharu dalam karya, mengurangkan atau menghilangkan unsur-unsur yang menjadi tabiat kovensi dalam penulisan dan akhirnya seseorang pengarang itu akan menggunakan kreativiti bagi menjadikan karya itu sebagai teks yang lebih baik. Keberanian seseorang pengarang dalam

melakukan rombakan dan perubahan-perubahan baharu adalah sesuatu yang penting bagi memastikan keunggulan setiap karyanya. Terdapat tiga aspek penting dalam prinsip perlanggaran, iaitu:



Rajah 2. Aspek Penting dalam Prinsip Perlanggaran

Pengkarya dikehendaki mempunyai kualiti kebijaksanaan dan keberanian dalam membawa idea, pemikiran baru dan bersiap sedia untuk improvisasi serta inovasi bagi mendapatkan teks yang lebih baik. Idealisme atau sifat kecemerlangan sebagai teks kesusasteraan kreatif sering kali wujud dalam pemikiran penulis ketika sedang bekerja. Bagi mencipta teks yang lebih baik, penulis mestilah mempunyai kualiti yang berani dan bijak. Kebijaksanaan juga menjadi sifat yang menggalakkan kerja teks untuk dilaksanakan dengan kesedaran dan bergerak secara saintifik. Tanpa keberanian dan kebijaksanaan teks-teks yang dihasilkan ia hanya akan masuk ke dalam persekitaran tradisionalnya dan tidak memasuki teks-teks unggul. Teks ideal mesti mencapai tahap naratif hebat baharu yang disembunyikan secara ideologi dan secara ontologi.


Dalam konsep perlanggaran, pengkaji akan memfokuskan kepada prinsip perlanggaran berdasarkan unsur patriotisme dalam karya. Oleh yang demikian, setiap nilai yang bertentangan dengan nilai-nilai murni dalam patriotisme itu sendiri akan menjadi elemen perlanggaran. Umum mengetahui bahawa penerapan nilai cinta akan negara, agama dan bangsa menjadi keutamaan dalam patriotisme. Maka, pengkaji melihat pengkarya menggunakan prinsip perlanggaran untuk meluahkan dan menyampaikan nilai patriotisme dengan cara yang bertentangan serta menyajikan sesuatu kelainan dalam persembahan penulisannya. Sebagai contoh, pengkaji mungkin akan menggunakan satu aspek utama yang berbeza berbanding karyanya yang terdahulu.

Perlanggaran menurut Mana Sikana (1993) dalam teorinya mengatakan bahawa ia boleh berlaku dalam tiga keadaan, iaitu melanggar konvensi terhadap teks itu sendiri, melanggar konvensi beberapa aspek dalam struktur penulisan teks dan melanggar konvensi teks pengarang lain. Dalam proses perlanggaran ini, seseorang pengarang akan menggunakan beberapa cara bagi menjadikan karyanya lebih baik dan unggul. Antaranya, menambah unsur-unsur baharu dalam karya, mengurangkan atau menghilangkan unsur-unsur yang menjadi tabiat konvensi dalam penulisan dan akhirnya seseorang pengarang itu akan menggunakan kreativiti bagi menjadikan karya itu sebagai teks yang lebih baik. Keberanian seorang pengarang dalam melakukan rombakan dan perubahan baharu adalah sesuatu yang penting bagi memastikan keunggulan setiap karyanya.

Perlanggaran dalam Teori Teksdealisme menunjukkan nilai mengimbangi sama ada untuk mengekalkan dan mengubah sesuatu untuk mencapai keunggulan teks. Perlanggaran boleh ditakrifkan sebagai proses penciptaan dinamik untuk mendapatkan pembaharuan dalam kerja. Teori Teksdealisme meletakkan prinsip perlanggaran sebagai kaedah untuk menganalisis teks bagi menunjukkan keunggulannya. Seorang penulis yang mengetahui konsep kepengarangannya akan cuba memperbaharui setiap teks yang dihasilkannya. Sifat inovatif, eksperimen dan pengukuhan ini adalah menyokong kelahiran teks moden, postmodernisme, *avant garde*, *arrière garde* dan arca. Prinsip analisis perlanggaran dikekalkan dan disemak semula dalam setiap aspek yang berkaitan dengan dunia penciptaan.

Tekstur kepatuhan kepada karya yang unggul adalah dalam struktur yang unggul. Ini bermakna analisis boleh dikaji dari segi pengekal dan perubahan dalam konvensyen sastera, tradisi tekstual dan apa-apa yang berkaitan dengannya. Aspek wacana atau bahasa sering digunakan sebagai faktor kecemerlangan. Terjemahan yang diberi kuasa dan teori diterima dengan teks khas dan tanda pekerja yang mantap. Tujuan utama prinsip perlanggaran adalah untuk menunjukkan kesedaran penulis dalam membuat karya-karya unggul dan dapat menunjukkan keunggulan mereka. Pelbagai usaha dilakukan bagi membuat carian, penempatan makna, makna teks dan pemikiran tekstual serta falsafah. Kaedah analisis prinsip perlanggaran yang digunakan adalah pertama, apakah perumusan dan pengubahsuaian penulis dan kedua, bagaimanakah prinsip perlanggaran berlaku? Dan ketiga apakah fungsinya dan kesannya terhadap pembinaan teks itu?.

Terdapat dua prinsip Teori Teksdealisme yang boleh digunakan untuk mengkaji dan menganalisis daripada sudut pengarang, teks dan penonton, iaitu prinsip kehadiran dan perlanggaran yang berlaku dalam proses kepengarangan kepada teks yang dihasilkan dan kepada penonton yang menikmati teks tersebut. Formula Teori Teksdealisme adalah untuk menganalisis kreativiti penulis dalam penciptaannya yang berkaitan dengan keunggulan teks. Teks yang dihasilkan juga menunjukkan ke arah kategori teks yang unggul walaupun penonton diberi asas untuk menghargai dan menilai teks yang kemudiannya menurunkan nilai kecemerlangan.



Rajah 3. Penerapan Elemen dalam Prinsip Perlanggaran

Asas prinsip perlanggaran menjelaskan sesuatu yang tidak normal dianggap tidak seiring dengan kelaziman. Pada peringkat ini, pengkarya lazimnya akan melawan arus kebiasaan, konvensional dan tradisi serta pengkarya akan memperbaharui konsep konvensional dalam teksnya yang tersendiri. Pengkarya yang mempunyai originaliti biasanya tidak akan puas dengan konsep yang klise, hidangan teks ostinato dan stereotype. Dalam prinsip penyatuan pula dinyatakan keperluan sesebuah pengkaryaan, antaranya stamping, kematangan dan penghalusan yang diterapkan dalam teks.

Dalam proses pengkaryaan, pengkarya akan berusaha untuk memperkuat persembahan teksnya dan setiap olahan teks ini akan menjelaskan lagi identiti dan originaliti keperibadian pengkarya dalam penguatan

dirinya sendiri. Tanpa proses ini, teks yang dikaryakan akan menjadi hambar, statik dan membosankan. Oleh itu, penghidangan nilai patriotisme ini memerlukan kelainannya yang berlawanan dengan teknik kebiasaan yang berlaku dalam pengolahan idea. Setiap olahan yang disampaikan dalam setiap karya secara tidak langsung memaparkan elemen pelanggaran yang telah berlaku pada mana-mana aspek dalam konteks kepengarangan karya.

Keseluruhannya, sumber patriotisme yang didapati adalah daripada sumber pengalaman pengkarya dan amalan pembacaan oleh pengkarya bagi penjana idea dalam berkarya. Berdasarkan jadual yang ditunjukkan elemen pelanggaran memperlihatkan kelebihan perkembangan idea yang sumbernya banyak berkisar dalam aktiviti pengalaman yang dilakukan oleh pengkarya. Semua sumber nilai-nilai patriotisme dalam konsep pelanggaran ini dapat dilihat melalui Jadual 1. Senarai Semak Analisis Sumber Patriotisme Prinsip Pelanggaran seperti yang berikut:

Jadual 1. Senarai Semak Analisis Sumber Patriotisme Prinsip Pelanggaran

Prinsip	Sumber	Watak	Prolog	Latar	Situasi	Dialog	Jumlah
Pelanggaran	Pengalaman	-	1	2	3	15	21
	Pembacaan	1	1	-	1	10	13

Nyatalah di sini bahawa keupayaan prinsip pelanggaran dalam memberi fokus berkaitan unsur patriotisme ini dapat dilihat dengan begitu ketara sekali. Unsur-unsur yang bertentangan dengan nilai-nilai murni patriotisme dapat dijelmakan untuk tatapan khalayak pembaca sebagai sempadan dan tauladan. Malahan, ada pandangan menyatakan keupayaannya melanggar aliran dan keberaniannya melanggar konvensi sastera ke tahap yang lebih cemerlang. Selain ini, dalam aspek pelanggaran watak dan teknik jelas memperkukuh keistimewaan pengkarya menjadi pengarang mapan.

Oleh itu, dalam kerja-kerja kepengarangannya terpancar kesungguhan pengkarya untuk menduduki takhta pengarang unggul. Dengan bersikap demikian, pengkarya cuba berdiri dengan teks yang sedang dikerjakannya sahaja. Baginya, hanya imaginasi, ilusi dan kekuatannya sahaja yang penting. Oleh yang demikian, elemen patriotisme rasmi dan peribadi dapat ditonjolkan dari teks sastera Mana Sikana yang dipilih oleh pengkaji. Penjelasan ini dapat dilihat dalam jadual yang ditunjukkan dan ia jelas memperlihatkan kelebihan pada patriotisme peribadi berbanding dengan patriotisme rasmi. Semua elemen nilai patriotisme ini dapat dilihat melalui Jadual 2. Senarai Semak Analisis Unsur Patriotisme Prinsip Pelanggaran yang berikut:

Jadual 2. Senarai Semak Analisis Unsur Patriotisme Prinsip Pelanggaran

Prinsip	Patriotik	Watak	Prolog	Latar	Situasi	Dialog	Jumlah
Pelanggaran	Rasmi	-	-	-	-	-	-
	Peribadi	1	2	2	4	25	35

RUMUSAN

Hasil penelitian pengkaji mendapati karya *Kumpulan Drama Renjong* ini memperlihatkan cubaan dan pencarian Mana Sikana untuk menjadikan budaya sastera terus dinamik dengan memperkayakan penerapan nilai patriotisme dalam karyanya. Drama-dramanya yang terkenal sebagai drama realisme, absurd atau antirealisme dan metasejarah ini membuktikan bahawa terdapat usaha-usaha Mana Sikana dalam memperbaharui teknik berkarya. Meninjau kepada dapatan yang diperolehi, pengkaji mendapati pengkarya Mana Sikana secara gahnya telah berjaya meletakkan keunggulan dan ketinggian kepengarangan terhadap hasil karyanya dalam teks sastera *Kumpulan Drama Renjong* yang membariskan lima drama yang berjudul *Catatan Tun Sri Lanang, Dari Lumpur, Merdeka, Jejak Pahlawan* dan *Renjong*. Yang nyata, kelima-lima

teks drama ini mempunyai penerapan unsur patriotisme yang tersendiri mengikut zaman yang mempersembahkannya.

Namun, kelima-lima teks ini mengandungi perkembangan nilai-nilai patriotisme dalam lima zaman yang berbeza dan dilihat mempunyai kesinambungan antara satu sama lain. Hal seumpama ini memperlihatkan penonjolan pengkarya terhadap apa yang telah berlaku dalam perkembangan patriotisme melalui kelima-lima zaman ini. Secara tidak langsung, penonjolan persamaan dan perbezaan unsur patriotisme yang dapat dihidangkan dalam setiap karyanya. Hasil pengamatan pengkaji mendapati kelima-lima teks drama ini mewakili zaman masing-masing. Jadual berikut menunjukkan dapatan yang ditemukan pengkaji dalam kajian ini.

Jika diteliti secara mendalam, Mana Sikana tergolong sebagai seorang pengkarya yang telah terdidik dengan kemahiran kreatif dan mendapat pendedahan melalui pelbagai pembacaan yang luas sehingga menjadikannya sebagai pengkarya sastra yang baik. Bahkan, kehebatannya ditambah pula dengan kerjayanya sebagai seorang pensyarah yang memperdalam pengetahuannya tentang teori-teori sastra. Melalui prinsip perlanggaran yang sering memerlukan pembaharuan, pengkarya menjadikan kesempatan dan pengalaman ini sebagai pengkritik sastra dalam penghasilan setiap karya kreatifnya. Kreativiti inilah yang dapat menghasilkan idea-idea yang baharu, jarang ditemui, amat segar dan menepati konsep yang terdapat dalam prinsip perlanggaran.

Perlanggaran dalam konsep ini adalah memperlihatkan nilai perimbangan, sama ada mengekalkan dan mengubah sesuatu dalam usaha bagi mencapai keunggulan teks. Seperti yang telah didefinisikan sebelum ini, hal ini menjadi suatu proses penciptaan dinamik untuk mencari pembaharuan dalam berkarya. Prinsip perlanggaran adalah suatu kaedah untuk menganalisis sesebuah teks bagi memperlihatkan sifat-sifat keunggulannya. Seorang pengarang yang sedar konsep kepengarangannya akan cuba memperbaharui setiap teks yang dihasilkannya.

Mana Sikana juga berupaya menggunakan semula prinsip-prinsip teori yang ada terutamanya prinsip perlanggaran ke dalam teks sastranya dengan jelas dan baik. Prinsip perlanggaran ini memperjelaskan bahawa setiap karya dramanya bersifat meneroka unsur dalaman berkarya dan mempunyai idea kreativiti yang segar serta membawa kepada keunggulan karya. Hal ini dapat dilihat melalui pengkarya yang menjadikan nilai-nilai murni patriotisme satu elemen perlanggaran yang mengandungi nilai-nilai yang bertentangan dengan nilai-nilai murni dalam semangat patriotisme itu. Antaranya, terdapat perlanggaran dalam unsur patriotisme rasmi, iaitu perlanggaran dari aspek ketuhanan, kesultanan, kenegaraan, perundangan dan adat. Perlanggaran ini juga berlaku dalam unsur patriotisme peribadi seperti perlanggaran sejarah, budaya dan adab, jati diri, perjuangan, keperwiraan, ketabahan diri dan semangat kekitaan.

Keunggulan inilah yang ingin ditonjolkan oleh Mana Sikana dalam menaikkan karyanya dalam aspek perlanggaran patriotisme. Kebolehannya menggarap persoalan dan kisah yang diceritakan dengan melampaui daya tanggapan pancaindera manusia memperlihatkan keupayaan pengkarya membuat penerapan dalam konteks perlanggaran unsur patriotisme dalam teks sastra kumpulan drama *Renjongnya*. Mana Sikana dalam prinsip perlanggarannya juga telah berjaya menjelmakan pelbagai pengalaman dalam setiap karya dramanya seiring dengan prinsip utama yang terdapat dalam Teori Teksdealisme. Setiap karya sastra yang unggul dan mendapat tempat di hati dan jiwa khalayak telah teruji dengan melakukan perlanggaran dan pemberontakan.

Perlanggaran menjadi suatu konsep yang membawa unsur-unsur revolusi dalam sastra. Pengkaryaan yang idiomatik, konvensi dan tradisi haruslah mengandungi elemen pemberontakan, rombakan dan pengubahan sebagai penerokaan sesuatu yang kreatif dan baharu. Prinsip perlanggaran tersebut diaplikasikan dengan secukup rasa dalam penghasilan teks sastra *Kumpulan Drama Renjong* dan bersandarkan semangat patriotisme kendirinya, Mana Sikana dengan penuh keyakinan menjelmakan perlanggaran nilai-nilai patriotisme melalui idea daripada pengalaman yang ada ke dalam karya-karyanya.

Pengkaji membuat kesimpulannya di sini bahawa, penghasilan karya sastera tidak akan dapat mencapai keaslian dan kecemerlangannya sekiranya ia dihasilkan oleh pengarang yang tidak memiliki sifat-sifat kecemerlangan itu sendiri. Ini kerana kualiti kecemerlangan perlu ada dalam diri seseorang pengarang untuk menampilkan dirinya sebagai pengarang yang luar biasa dan seterusnya mencapai kecemerlangan dalam penghasilan karya sastera. Manakala aspek yang ditekankan dalam metodologi kajian ialah reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data atau maklumat dan teori kajian yang menjurus kepada pengertian teori, prinsip teori, kerangka teori serta sejarah kewujudan teori tersebut.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali, Mana Sikana & Azhar Wahid. (2012). *Seminar teori dan kritikan sastera Malaysia*. Univision Press Sdn Bhd.
- Ani Omar. (2011). *Apresiasi teori kesusasteraan Melayu*. Emeritus Publications.
- Azmi Ariffin & Abdul Rahman Ismail. (Eds.). (2015). *Sejarah Malaysia: Wacana kedaulatan bangsa, kenegaraan dan kemerdekaan*. Penerbit USM.
- Baharuddin Zainal. (1974). *Mendekati kesusasteraan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bhasah Abu Bakar. (2007). *Kaedah analisis data penyelidikan ilmiah*. Utusan Publications
- Edward Hallett Carr, E.H. (1961). *What is history?*. Penguin.
- Faridah Taib dan Zuraidah Ali. (1995). *Hasil mineral*. Penerbitan Pinang.
- Fauzi Hassan. (2019). *Keunggulan kepengarangan Faisal Tehrani dari perspektif Teksdealisme* [Disertasi kedoktoran tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Jumali Selamat. (2012). *Pengucapan awam: Strategi dan kemahiran*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaidah Salleh. (2013). *Junaidah Salleh dalam prosiding*. AIP Conference Proceeding.
- Maizatul Akma Aziz dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi Aziz (2019). Patriotisme peribadi dalam novel-novel pilihan. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1),63-92. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/21791>
- Mana Sikana (1993). *Kritik sastera Melayu: Antara estetika dengan psikolog*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (1995). *Drama Melayu moden*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. (1995). *Teori sastera Teksdealisme dalam Rumpun*. Penerbit Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana. (2001). *Pemikiran sastera Melayu: Satu perspektif pascamodenisme*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana. (2003). *Membina keunggulan tradisi sastera*. Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Mana Sikana. (2006). *Drama Melayu tradisional, moden dan pascamoden*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2006). *Teori sastera Tekdealisme*. Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (2013). *Renjong*. Bangi: Pustaka Karya.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis: An expanded sourcebook* (2nd ed.). Sage Publications, Inc.
- Mills, L. A. (2003). *British Malaya 1824 – 67*. MBRAS.
- Mohd. Taib Osman. (2004). *Globalisasi, patriotisme, dan isu-isu kemasyarakatan*. Penerbit Universiti Malaya.
- Nathanson, S. (1993). *Patriotism, morality, and peace*. Rowman & Littlefield.
- Nazri Muslim, & Jamsari Alias. (2004). *Patriotisme: Konsep dan pelaksanaannya di Malaysia*. [Pembentangan seminar] Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pascamodenisme (SIVIC 2004), Langkawi, Kedah.
- Noor Hasliza Nusi, (2022). *Arterial Stiffness: Implication and Interventions*. Nova Science Publishers
- Nur Suraya Ahmad. (2010). *Kepengarangan Mana Sikana: Satu analisis Teksdealisme* [Tesis tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Reykowski, J. (1997). Patriotism and the collective system of meanings. In *Patriotism: In the lives of individuals and nations*. Nelson-Hall.
- Rosfazila Abd Rahman, Hairol Anuar Mak Din, Ong, Adlina Abdul Khalil dan Munira Abd Razak. (2020). *Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) sebagai gerakan non-partisan (1970-an hingga 1980-an): Suatu analisis kritikal*. Unuversiti Kebangsaan Malaysia.
- S. Takdir Alisjhabana. (1986). *Social and Cultural Revolution*. Oxford University Press.